

Penerapan Rutin 6 Topi Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Fauzia Jailani

fauzia_jailani@moe.gov.sg

Mariam Ibrahim

mariam_ibrahim@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Balestier Hill

Abstrak

Visible Thinking merupakan pendekatan yang menerapkan Rutin Berfikir secara sistematik dan berstruktur dalam membantu murid sepanjang proses pembelajaran. Strategi Topi Berfikir oleh Edward De Bono telah diubahsuai sebagai rutin berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu untuk murid Darjah 2, disertakan dengan penggunaan portal 10'M, sebagai wadah kemudahan ICT *Web 2.0*. Usaha ini membentuk proses pemikiran yang kritikal serta penilaian pelbagai perspektif dalam diri murid, di samping membangunkan kemahiran murid ke arah pemikiran '*dispositional*'. Rutin ini diterapkan secara konsisten dan memandu murid ke arah budaya berfikir secara kritikal. Usaha ini telah berjaya mempertingkatkan pencapaian dan kemahiran murid dalam bahasa Melayu dari segi kemahiran membaca. Budaya berfikir ini juga semakin menyerlah dalam kebolehan murid mendengar serta kemahiran menulis yang lebih kreatif dan mendalam. Secara tidak langsung, ia turut berupaya membina golongan murid yang berkeyakinan dan mempunyai arah sendiri. Selain berperanan memupuk sifat penyumbang yang aktif, ia juga membentuk warganegara yang prihatin, seperti mana yang dilihat dalam rangka kemahiran abad ke-21.

Kata Kunci: Rutin Berfikir, budaya berfikir, 10'M aksara, kemahiran membaca



PENGENALAN

Kajian ini telah dijalankan dengan murid-murid Darjah 2 yang terdiri daripada pelbagai tahap pencapaian dalam Bahasa Melayu. Secara keseluruhan, mereka sudah didedahkan kepada penggunaan Teknologi informasi dan Komunikasi atau *Information and Communitaciton Technology* (ICT) secara intensif melalui portal 10'M sepanjang Pengajaran dan Pambelajaran Bahasa Melayu di Darjah 1.

Fokus kajian merupakan pembinaan keupayaan murid-murid dalam kemahiran berfikir untuk mencapai kemahiran berbahasa. Usaha ini merupakan peningkatan terhadap pendekatan SAMMBBa (**Siapa, Apa, Mana, Mengapa, Bila, Bagaimana**) untuk meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Namun, kemahiran membaca merupakan tunggak utama yang membina dan membentuk kebolehan murid dalam mencapai kemahiran-kemahiran yang lain. Kemahiran membaca bukan kebolehan mengujarkan perkataan atau ayat dengan sebutan baku. Malahan ia terbahagi kepada kemahiran membaca secara mekanis, mentalis, intensif dan ekstensif.

Pemahaman mengambil kira kebolehan mengenal pasti kata serta penggunaannya dalam ayat untuk membina pemahaman. Selain itu, pembaca perlu mengaktifkan deria dalam perkembangan secara strategik berdasarkan kemahiran kognitif. Pembaca harus berupaya memberi tafsiran dan penilaian berlandaskan matlamat dan objektif pembacaan, lantas memperkayakan kebolehannya mencapai pemahaman pada tahap yang lebih tinggi.

Justeru, memupuk budaya berfikir dijadikan pendekatan yang diambil untuk membina and meningkatkan kemahiran murid berbahasa secara amnya. Untuk menyemarakkan pembelajaran, platform ICT portal 10'M aksara turut dijadikan alat tambahan untuk mendorong SDL and CoL.



TUJUAN KAJIAN

Lantaran, fokus kajian tertumpu pada peningkatan budaya berfikir dengan aplikasi Rutin Berfikir untuk membina pemikiran kritis agar dapat mencapai:

1. tahap pemahaman kandungan isi dan bahasa dalam bahan bacaan;
2. pemupukan budaya berfikir dalam kalangan murid yang bermotivasi dalam pembelajaran; dan
3. kemajuan dalam kemahiran berbahasa yang dipupuk melalui budaya berfikir.

PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid Darjah 2 sudah berupaya untuk mengujarkan dan membaca ayat dengan sebutan yang tepat. Namun, seringkali mereka tidak memahami maksud perkataan tertentu. Terdapat juga kesukaran bagi murid untuk mendefinisikan makna perkataan atau mesej dalam ayat mengikut konteks yang diberikan dalam bahan bacaan. Kekurangan ini melahirkan golongan murid yang kurang menghayati bahan bacaan mereka, dan secara langsung dan tidak langsung, menghadkan kebolehan mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam aspek-aspek kemahiran berbahasa secara keseluruhan.

Kebolehan membaca secara mekanis mementingkan bunyi, intonasi dan nada yang sesuai. Namun, murid harus berupaya mencapai kebolehan membaca yang disusuli dengan penelitian, pemahaman dan pentafsiran. Aspek-aspek ini penting bagi murid mencapai kecemerlangan dalam kemahiran berbahasa secara lisan atau bertulis. Justeru, membangunkan pencapaian murid secara holistik seperti yang diterapkan dalam rangka kemahiran abad ke-21.

Secara amnya, kebolehan memahami makna tidak boleh diatasi dengan penggunaan kamus dan penghafalan makna perkataan semata-mata. Sebaliknya, ia perlu dipupuk dengan adanya kemahiran memahami dan menaakul bahan bacaan, melalui pembinaan budaya berfikir.



Kemahiran berfikir ialah kemahiran yang sukar diajar kepada murid-murid sekolah rendah kerana ia bukan mudah untuk digambarkan kepada mereka. Dengan adanya rutin, kemahiran tersebut boleh diasah dan dibina sepanjang proses pembelajaran mereka. Oleh itu, penting untuk guru memupuk struktur bagi mengembangkan kemahiran berfikir demi membantu murid mendapat gambaran jelas dalam apa jua yang dibaca, didengar dan diujarkan.

Secara tidak langsung, peningkatan dalam kemahiran secara kritikal membantu murid mengatasi kelemahan yang sering menjadi kekhawatiran golongan pendidik, pemahaman kritikal terhadap bahan bacaan.

KAJIAN LEPAS

Terdapat tiga jenis kajian yang dijadikan panduan dalam kajian pembelajaran. *Visible Thinking* ialah produk kajian yang mendalami pembelajaran dan pemikiran di dalam bilik darjah. Ia merupakan satu rangka yang luas dan fleksibel dalam mengayakan pembelajaran dalam bilik darjah serta pemupukan pembangunan intelektual. Perspektif '*dispositional*' yang dipupuk melalui *Visible Thinking* memainkan peranan dalam membina kebolehan, sikap dan kecerdasan seseorang individu. Sistem dan struktur dalam bentuk rutin pemikiran membina individu yang berkeyakinan dan mempunyai arah sendiri.

Penting bagi guru-guru untuk memupuk budaya berfikir dalam diri murid-murid sejak di peringkat awal dalam pendidikan sekolah rendah. Namun, ia merupakan sesuatu yang amat abstrak kepada kanak-kanak cilik ini. Justeru, guru harus berperanan sebagai pemudah acara dalam usaha ini dengan memastikan terdapat bentuk struktur atau rutin yang mudah diikuti dan diterapkan oleh murid-murid.

Lantas, pendekatan Enam Topi Berfikir dipilih sebagai rutin untuk membina keyakinan dan keterampilan berfikir.



Pendekatan Enam Topi Berfikir yang dikemukakan oleh Edward De Bono merupakan alat untuk mencabar norma perbincangan kumpulan dan pemikiran individu berdasarkan topi yang diberikan 6 warna berbeza untuk melahirkan konsep pemikiran selari dalam menganalisis isu atau pelan bertindak yang berikut:

Jadual 1: Daftar Makna Warna Topi

Topi Putih	:	Fakta
Topi Merah	:	Perasaan
Topi Kuning	:	Kekuatan
Topi Hitam	:	Kelemahan
Topi Hijau	:	Kreativiti
Topi Biru	:	Proses

Warna memainkan peranan penting dalam diri kanak-kanak kecil, lebih-lebih lagi murid di peringkat Darjah 1 dan 2. Ia memudahkan murid untuk membuat perkaitan serta meningkatkan daya ingatan.

Pendekatan ini diubah suai untuk membantu murid pada setiap peringkat dalam proses penyoalan yang kritikal apabila membaca:

Jadual 2: Daftar Soalan Mengikut Warna Topi

Topi Putih	:	Apakah yang saya tahu? Apakah yang ingin saya tahu?	Darjah 1 Darjah 2
Topi Merah	:	Apakah perasaan saya? Bagaimanakah perasaan watak?	
Topi Kuning	:	Apakah kekuatannya? Nyatakan faedahnya.	Darjah 3 Darjah 4
Topi Hitam	:	Apakah kekurangan? Bagaimanakah kita boleh perbaiki kelemahan?	
Topi Hijau	:	Apakah yang boleh saya ubah? Apakah idea lain yang boleh digunakan?	Darjah 5 Darjah 6
Topi Biru	:	Apakah langkah selanjutnya?	

Rutin ini dilaksanakan dalam setiap pelajaran, tidak kira dalam apa juga kemahiran berbahasa, mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir. Rutin ini mendedahkan murid kepada kebiasaan yang menjadi tunggak dalam setiap aktiviti pembelajaran. Lama-kelamaan ia menjadi sehati dengan



diri mereka. Murid secara sendiri akan memikirkan aspek-aspek penyoalan apabila membuat renungan, terutama murid di tahap *High Performance (HP)* dalam kemahiran berbahasa.

Peta minda merupakan kaedah grafik yang mengembangkan prestasi dan perkembangan minda. Apabila seseorang itu menggunakan atau menghasilkan peta minda, beliau melalui proses menggarap informasi serta kekuatan memori dan secara tidak langsung, mengaktifkan pelbagai kemahiran kortikal sebelah kanan dan kiri.

Oleh itu, peta minda merupakan susulan penerapan rutin Enam Topi Berfikir ini. Penyampaian 6 topi berfikir ini disampaikan atau ditonjolkan kepada murid dalam bentuk peta minda, yakni mempertingkatkan lagi kebolehan murid yang pelbagai tahap dalam kemahiran berbahasa. Pendekatan ini diambil sebagai tambahan untuk menggalakkan pencapaian murid-murid tahap *Lower Performance (LP)* dan *Medium Performance (MP)*.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian pengajaran yang dilaksanakan dalam dua kitaran, di mana fokus diberi kepada kemahiran membaca. Namun, setelah kitaran kedua, usaha turut dikembangkan sepanjang setahun untuk memupuk budaya berfikir itu dalam mengembangkan kemahiran murid dalam mendengar, bertutur dan akhir sekali menulis.

Guru-guru Jabatan Bahasa Melayu telah memulakan kajian dengan mengenal pasti keperluan kohort murid Darjah 2. Berdasarkan pencapaian murid dalam komponen tertentu bagi ujian-ujian sepanjang mereka di darjah satu serta penelitian terhadap minat mereka, guru-guru cuba mengemukakan sebab mengapa berlakunya kekurangan tersebut. Kemudian, beberapa cadangan telah dibincangkan untuk membantu murid mengatasi kekurangan tersebut. Lantaran, perbincangan berfokus itu melahirkan kepentingan untuk membentuk budaya berfikir untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa murid.



Pengumpulan data pula lebih kepada data yang berbentuk kualitatif atau renungan guru. Namun, data terhadap pencapaian murid dalam aspek Bahasa tertentu turut dianalisis untuk memastikan fokus kajian telah menimbulkan peningkatan terhadap kemahiran berbahasa murid.

Subjek Kajian

Kumpulan murid yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 21 orang murid yang terdiri daripada murid-murid pelbagai tahap pencapaian dalam kemahiran berbahasa. Kesemua murid sudah berupaya mengujarkan perkataan atau membaca ayat dengan sebutan fonetik yang tepat.

Terdapat dua orang murid yang bukan penutur jati bahasa Melayu yang berupaya membaca tetapi kurang memahami isi dan makna teks yang dibaca. Mereka sering memerlukan penterjemahan daripada guru atau rakan sebaya untuk membantu mereka.

Terdapat juga 3 orang murid penutur jati yang baru sahaja berupaya mengeja dan mengujarkan perkataan. Lantas, kemahiran mereka untuk mentafsir bahan bacaan masih di peringkat lemah kerana usaha yang diberi dalam mengeja dan mengimbas kembali kosa kata yang pernah dibaca.

Instrumen Kajian

Oleh sebab kajian ini berbentuk kualitatif, banyak hasil dapatan yang dikumpulkan lebih berbentuk renungan serta sesi perbincangan dan maklum balas antara guru yang mengajar dan guru-guru pemerhati.

Sesi perbincangan dan maklum balas tersebut lebih menjurus kepada cara murid menerima pengajaran serta respons murid-murid tertentu semasa aktiviti dijalankan.



Prosedur Kajian

Berdasarkan perbincangan antara guru-guru, sebuah rancangan pengajaran telah dilakarkan untuk menepati keperluan murid dalam bentuk:


1. Mengetahui pasti keperluan murid
 - Kemahiran Membaca
 - Penggunaan portal 10'M
 - Budaya berfikir menggunakan rutin 6 topi berfikir
2. Lakaran Rancangan Pengajaran
3. Kitaran Pertama
4. Sesi perbincangan & maklum balas
 - Pendekatan guru
 - Respons murid
5. Pengubahsuaian rancangan pengajaran mengambil kira kekuatan dan kelemahan kitaran pertama
6. Lakaran rancangan pengajaran kedua
7. Bilik Darjah Terbuka bersama guru-guru sekolah lain
8. Murid dan kelas yang sama
9. Pelajaran baharu
10. Pendekatan yang sama
11. Kitaran Kedua
12. Sesi perbincangan & maklum balas bersama semua guru pemerhati
13. Renungan guru-guru dalam jabatan Bahasa Melayu
14. Peningkatan terhadap sesi maklum balas dalam aspek bacaan
15. Peningkatan selanjutnya dan sesi maklum balas dalam aspek :
16. Pemahaman
17. Penulisan
18. Mendengar dan Bertutur
19. Pengumpulan renungan murid pada setiap peringkat
20. Pengumpulan data pencapaian murid sepanjang tahun 2016



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pencapaian murid dapat dilihat secara progresif dalam kelulusan dari segi kuantiti dan juga kualiti. Jumlah murid yang lulus dalam ujian-ujian sepanjang tahun meningkat dari 71% kepada 90.5% dalam peperiksaan akhir tahun. Malahan, jumlah murid yang mencapai kelulusan kualiti turut menunjukkan trend yang progresif, seperti yang dilihat dalam Rajah 1.

Rajah 1: Trend Pencapaian Murid



Pencapaian setiap murid dalam komponen-komponen tertentu juga menunjukkan peningkatan, seperti yang tertera dalam Jadual 1. Malahan, terdapat peningkatan juga pada murid-murid yang telah dikenal pasti kelemahan mereka dalam komponen tertentu.

Jadual 3: Peningkatan Markah Murid

Komponen	Kelulusan Kualiti Semester 1 %	Kelulusan Kualiti Semester 2 %
Prosedur Cloze	40	57
Bina Ayat	33	57
Kefahaman	38	62
Lisan (Perbualan)	10	76
Kefahaman Mendengar	29	95

1. Semasa perbincangan dan maklum balas bersama guru-guru pemerhati Bilik Darjah Terbuka, banyak perkara yang dikemukakan berkenaan respons murid:



2. Teruja sepanjang pembelajaran
3. Penerapan platform ICT mengayakan lagi proses SDL dan CoL dalam penyampaian
4. Murid berupaya mengartikulasikan pemikiran yang mendalam semasa renungan yang dibuat dalam kertas 'post-it', yakni penerapan budaya berfikir berdasarkan Rutin 6 Topi Berfikir
5. Penggunaan peta minda yang diterapkan bersama rutin 6 topi berfikir dalam aktiviti pos-bacaan melibatkan semua murid secara aktif dan berperanan untuk menilai pemahaman murid terhadap teks yang dibaca
6. Kebolehan murid membina ayat majmuk yang lengkap dalam renungan mereka amat memberangsangkan.
7. Aktiviti pemahaman mencerminkan respons dan jawapan murid yang mengambil kira pelbagai perspektif
8. Kad-kad topi berfikir yang disertakan soalan-soalan panduan merupakan rujukan asas murid-murid dalam setiap pelajaran yang berikutnya

Sememangnya, penggunaan ICT di peringkat awal di sekolah rendah boleh dijalankan seawal Darjah 1:

1. Murid teruja dalam aktiviti yang berstruktur dan berteraskan ICT
2. Murid mempunyai arah sendiri dalam pembelajaran sendiri kerana bahan tambahan sedia ada untuk kegunaan
3. CoL berlaku dengan adanya peluang untuk penilaian atau maklum balas sendiri, rakan sebaya dan guru semasa pembelajaran
4. Murid dapat mengulang kaji dan membaca semula bahan pembelajaran dalam talian di rumah atau bersama ahli keluarga

Bagi guru-guru pula, banyak pengalaman dan rangkaian yang dibina sepanjang kajian ini. Selain daripada kerjasama dengan pihak ETD dalam penggunaan portal 10'M, guru-guru berpeluang untuk meluaskan rangkaian melebihi batas kelompok atau zon melalui pelbagai platform. Oleh itu, kedua-dua murid dan guru turut meraih titik pembelajaran yang pelbagai:



1. Penerokaan bahan ICT berasingan yang dapat digunakan seiring dengan platform 10'M
2. Merealisasikan penilaian holistik (HA) dengan kreatif
3. Siri '*Mini-Workshop*', platform untuk guru-guru berkongsi kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu aspek
4. Program Pementoran sekolah yang baru sahaja memulakan perjalanan mereka dalam 10'M aksara.

KESIMPULAN

Budaya berfikir merupakan satu tunggak yang berupaya meningkatkan tahap pencapaian murid dalam kemahiran berbahasa mereka. Namun, ia merupakan suatu kemahiran abstrak yang seringkali sukar dikemukakan kepada murid di peringkat darjah bawah. Walau bagaimanapun, jelas dilihat bahawa apabila konsep yang abstrak diperkenalkan kepada murid dalam bentuk yang mudah beserta rutin dan pengulangan, ia mudah digarap oleh murid darjah satu dan dua.

Rutin Enam Topi Berfikir ini tidak tertera sebagai satu rutin yang disyorkan dalam *Make Thinking Visible*. Namun, pengolahannya ke dalam pendekatan rutin ini seiring dengan peta minda telah membantu murid untuk membina budaya berfikir yang berstruktur, khusus pada kebolehan dan profil murid.

Sebagai lanjutan pada kajian ini, telah dijalankan program inovasi dengan menggunakan *Lego Storystarter Literacy Pack* untuk mempertingkatkan kemahiran murid dalam penulisan kreatif.



RUJUKAN

Suryani Atan (2013). Towards a Collaborative Learning Environment through ICT: Case Study. *Sino-US English Teaching*, 10(1), 53-62.

_____ (2014). 10'M Aksara: Laporan Kajian Pengajaran. Singapore: Educational Technology Division, Ministry of Education.

Edward De Bono (1985). *Six Thinking Hats*. Little, Brown and Company.

Edward De Bono (1970). *Lateral Thinking: Creativity Step by Step*. Harper & Row, Publishers

The Six Thinking Hats: A Creative Process for Result Oriented Groups, A Toolkit for Parallel Thinking. *Six Thinking Hats* Compiled by Martha A. Walker, Ph.D. Community Viability Specialist, Virginia Cooperative Extension

Educational Leadership February 2008 | Volume 65 | Number 5 Teaching Students to Think Pages 57-61 Making Thinking Visible

RonRitchhart(2011)*MakingThinkingVisible:HowtoPromoteEngagement,Understanding, and Independence for All Learners*

http://www.visiblethinkingpz.org/VisibleThinking_html_files/03_ThinkingRoutines/03b_Introduction.html

<http://www.tonybuzan.com/about/mind-mapping/>

